

HUBUNGAN ETNIK DI MALAYSIA: MENCARI DAN MENGEKAL KEJERNIHAN DALAM KEKERUHAN¹

Pengenalan

Kekeruhan hubungan etnik sebelum Merdeka, khususnya selepas Perang Dunia Kedua, memang menonjol tetapi jarang ditonjolkan. Yang selalu ditonjolkan adalah kekeruhan hubungan etnik pasca Merdeka, iaitu, peristiwa berdarah 13 Mei 1969. Semenjak itu, kita tidak berhenti berusaha untuk mencari dan mengekalkan butir-butir mutiara kejernihan yang dapat kita tangguk daripada kekeruhan tersebut.

Dalam suasana inilah dua perkataan keramat mula menghayati kehidupan sosial dalam masyarakat kita, iaitu, perkataan 'perpaduan' dan 'integrasi.' Malah kedua-dua perkataan ini telah kita angkat ke paras mantra sosial dan sentiasa bermain di bibir kita - dalam ucapan para Menteri, dirakamkan dalam pelbagai dokumen malah dinyanyikan bertubi-tubi di radio dan tv. Kita jadi begitu ghairah terhadap perpaduan dan integrasi kerana sangat-sangat mengharapkannya menjadi kenyataan.

Oleh kerana kita sangat-sangat mengidamkannya, kita kadang-kadang tidak lagi rasional apabila membincangkan mengenai perpaduan

¹ Artikel ini telah dibentang sebagai Kertas Latar dalam Mesyuarat Majlis Penasihat Perpaduan Negara, anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), pada 18 Oktober 2008, di Kota Kinabalu, Sabah.

dan integrasi. Kita menjadi cukup emosional, seolah-olah tidak sanggup menerima kalau sebarang usaha kita ke arah memupuk atau mewujudkan perpaduan dan integrasi menghadapi kebuntuan atau menemui kegagalan. Apatah lagi kalau dalam proses melaksanakan usaha itu ada pihak yang mengeluarkan kata-kata kesat lagi tidak prihatin.

Akibatnya, suasana dirasakan menjadi tegang. Lalu timbullah resah gelisah dan keraguan diri, semacam *psychological panic*, kerana kita merasakan bahawa 'keamanan dan muhibbah' yang kita nikmati, yang kita megahkan, yang kita warwarkan ke seluruh dunia, kini terancam dan akan terongkai dan terburai. Tidaklah memeranjatkan kalau suasana seperti ini kadang-kadang membuat kita mengambil tindakan tergopah-gapah (*knee-jerk reaction*), malah melatah, untuk mencari suatu 'penyelesaian segera' (*instant solution*) yang kita harapkan dapat mengurangkan ketegangan dan menenangkan keadaan.

Namun kita juga tahu bahawa tindakan itu hanya sesuatu yang sementara. Kita sedar bahawa peristiwa seperti ini akan berlaku lagi, sama ada disengajakan atau tidak dirancang. Terbukti dalam sejarah sosio-politik kita bahawa semenjak sebelum Merdeka lagi keadaan ini tidak mudah untuk dikawal, atau diselesaikan seratus peratus, kerana sifat masyarakat kita yang sudah terbentuk oleh sejarah: berbilang etnik, parti politik berdasarkan etnik justeru wacana politik pun begitu, sistem pendidikan vernakular yang mengasaskan polarisasi etnik, kepentingan ekonomi yang berbeda yang menjana persaingan kepentingan etnik, yang ada ketikanya sengit. Namun, kalau kita lihat secara keseluruhannya,

kita telah berjaya mengekalkan keamanan melalui perbincangan dan wacana yang tidak henti-henti, sama ada secara terbuka atau di warong kopitiam.

Rakyat Malaysia lebih selalu terlibat dalam aktiviti "*tongue wagging, not parang wielding*," sama ada dalam media atau dalam perbincangan peribadi. Keganasan bukan pilihan kita. Biarpun demikian, kita tidak dapat nafikan ada segelintir anggota masyarakat kita yang lebih vokal secara terbuka kadangkala mengeluarkan pernyataan yang membuat kita semua tersentak. Suasana inilah yang saya sering ungkapkan sebagai keadaan *stable tension* yang mencirikan masyarakat majmuk Malaysia.

Dari waktu ke waktu kita perlu membuat refleksi serius dan rasional tentang keadaan ini untuk mengingatkan kita bahawa "*all is not lost*." Cabaran terbesar untuk kita, terutamanya kepada pemikir, pemerintah dan juga golongan intelligentsia, adalah untuk terus-menerus memantau dan mencerakan keadaan hubungan etnik semasa di negara kita. Soalnya, bagaimana? Sebelum kita mampu melaksanakan pemantauan ini dengan berkesan, ada beberapa langkah awal yang mesti kita lakukan. Kita perlu membina kefahaman yang jelas apa yang kita maksudkan dengan "perpaduan" dan "integrasi."

Kita tidak boleh menganggap usaha berbincang terus-menerus untuk mempertajam kefahaman kita mengenai masyarakat kita sendiri sebagai sesuatu yang remeh lalu mengkritiknya sebagai suatu kegiatan "berteorori" atau "cakap tak serupa bikin" atau sesuatu yang membazir waktu. Pada hemat saya, salah satu faktor yang menyebabkan kita mampu mengekalkan

keamanan dan harmoni dalam proses hubungan etnik di Malaysia adalah kerana kemampuan intelek kita, kerana kita mahu terus berbincang, kita mahu terus menghayati dan menikmati kualiti hidup yang tinggi, dan kerana kita mahu generasi masa depan mengekalkan kesinambungan produktiviti ekonomi kita justeru kelestarian masyarakat kita umumnya. Kita tidak mahu masyarakat kita kucar kacir dan senantiasanya dilanda kemurungan sosial, seperti dalam masyarakat lain di seluruh dunia yang mengakibatkan keadaan ekstrim seperti keganasan dan pertumpahan darah.

Dalam perbincangan ini saya ingin membentangkan kefahaman saya mengenai hubungan etnik di Malaysia, khususnya perkataan atau konsep "perpaduan" dan "integrasi." Berasaskan kefahaman ini, saya ingin menghujahkan bahawa hubungan etnik di Malaysia mempunyai asas 'perpaduan dan integrasi' yang mendalam dan kuat, terutamanya yang terbina selepas Mei 1969, akibat pelaksanaan pelbagai usaha sadar (*conscious effort*) oleh semua pihak di semua peringkat, rasmi dan tidak rasmi, biarpun kita senantiasanya dalam keadaan *stable tension* yang mencabar. Asas perpaduan dan integrasi yang kita sedia ada dan hayati terbukti tidak semudah untuk dirongkai semata-mata kerana "kata-kata kesat" oleh beberapa "pihak yang sesat" yang akan terus dilafazkan bila mereka dirundung emosi dan tidak puas hati, mungkin secara peribadi atau kolektif. Rakyat Malaysia terlalu cintakan keamanan untuk membiarkan sesuatu keburukan terjadi kepada kita sendiri justeru mengorbankan kualiti hidup yang kita nikmati.

**Perpaduan dan integrasi:
kefahaman mengenai asasnya**

Perpaduan (*unity*) lawannya perpecahan (*disunity*). Kita mahukan perpaduan kerana wujud perpecahan dalam masyarakat kita akibat faktor sejarah. Akibat dasar pecah-perintah penjajah wujudlah masyarakat majmuk yang kita warisi. Dasar tersebut dilaksanakan dalam bidang politik, ekonomi, sosial, pendidikan dan budaya dan membawakan kesan mendalam di kalangan masyarakat kita. Dalam kata lain, perbezaan lebih menonjol, atau kerap ditonjolkan, daripada persamaan dalam masyarakat kita, khususnya perbezaan antara berbilang etnik. Untuk itu, selepas Merdeka slogan kita adalah "*unity in diversity*" (perpaduan dalam kepelbagaian) dan kita senantiasa sama-sama berusaha untuk membina bermacam bentuk jambatan ekonomi, politik, pendidikan, sosial dan budaya ke arah itu.

Kita menolak konsep *disunity*, yang dianggap negatif, dan kita ganti dengan konsep *diversity*, yang kita terima sebagai sesuatu yang positif. Justeru kepada kita, *diversity* adalah suatu aset bukan suatu beban semata-mata. Oleh yang demikian, perpaduan yang kita idam-idamkan di Malaysia selama ini dan diharapkan tercapai, kita usahakannya melalui penggembelengan ciri *diversity*, atau kepelbagaian. Misalnya, dalam bidang pelancongan, kita jadikan *diversity* suatu komoditi yang ternyata kini telah mendatangkan manfaat ekonomi dan sosio-budaya kepada ramai rakyat kita dan juga kesihatan ekonomi negara. Sebilangan besar rakyat kita yang terlibat dalam industri perkhidmatan hidup akibat usaha sedar kita mendagangkan aset *diversity* kita.

Dalam pada itu, tidak dapat dinafikan bahawa unsur negatif *diversity*, khususnya bersifat *disunity*, tetap wujud dan tidak dapat dihapus-kikis begitu sahaja. Maka wujud semacam tarik tali antara *disunity* dan *diversity*. Paling jelas unsur *disunity* terjelma dalam wacana kita mengenai pelbagai hal ehwal semasa di negara. Ini sebenarnya berpunca daripada faktor kelas sosial yang mencirikan susunlapis masyarakat Malaysia, sesuatu yang universal dan wujud dalam semua masyarakat di dunia. Kita tahu setiap kelas sosial mempunyai kepentingan berbeda dan pertentangan kepentingan antara kelas sosial terus menerus terjelma dan diartikulasikan. Isu harga petrol adalah satu contoh yang menonjolkan kepada kita bahawa kesan turn-naik harga petrol adalah berbedabeda mengikut kelas sosial. Oleh kerana kelas bawahan dari segi demografi adalah jauh lebih ramai anggotanya daripada kelas menengah dan atasan, dan keadaan ini merentas perbezaan etnik, maka isu petrol boleh merangsang penyuaran terhadap keadaan *disunity*, tetapi tidak mengorbankan *diversity*.

Maka saya berpendapat tarik-tali antara *disunity* dan *diversity* yang berterusan dalam masyarakat kita adalah akibat sulaman interaksi faktor kelas, kepentingan etnik dan juga perbezaan gaya hidup antara kelas dan etnik yang berbeda. Ada pihak berasa risau, malah panik, apabila kata-kata kesat mengkritik keadaan dan tindakan kerajaan dihamburkan berkait isu petrol, sedangkan keadaan serta kenyataan ini dilaporkan juga wujud di Eropah, Asia Timur, Amerika Latin, malah di Amerika Syarikat sendiri. Tidak kurang juga pihak yang ingin menanggung keuntungan daripada kekecohan pemahaman ini demi

survival politik masing-masing. Pepatah berkata "biarkan luncai terjun dengan labu-labunya." Tetapi tidak kurang juga sebilangan rakyat kita yang gemarkan watak Luncai atau berlagak seperti Luncai. Nasib baik labu pun banyak, maka terjunlah para Luncai tadi dengan labu masing-masing. Yang pandai berenang, macam sabut timbul, yang tidak pandai, tenggelam.

Boleh disimpulkan bahawa konsep perpaduan yang kita anjurkan dan realiti sosial yang menjadi acuannya adalah bersifat abstrak dan nyata sekaligus.

Integrasi (*integration*) lawannya segregasi (*segregation*). Keadaan segregasi dalam masyarakat kita juga adalah akibat dasar-pecah perintah kolonial. Bentuk segregasi yang paling jelas adalah dari segi ruang fizikal. Satu ketika dulu, etnik Melayu rata-rata menetap di luar bandar yang mundur dan bukan Melayu di kawasan maju bandar. Segregasi fizikal ini ditebalkan lagi oleh segregasi dalam bentuk lain, seperti, ruang kegiatan ekonomi dalam sektor yang berbeda (Melayu tani, Cina berdagang dll.), ruang pendidikan vernakular yang menggunakan bahasa pengantar yang berbeda.

Segregasi inilah yang dijadikan sasaran untuk dirongkai oleh kerajaan dan pihak lain. Ada dilaksanakan melalui dasar dan usaha sedar, ada yang terjadi sebagai suatu proses alamiah. Misalnya, ada usaha memastikan kawasan perumahan di bandar mempunyai komposisi penduduk berbilang etnik. Tetapi dasar ini tidak sepenuhnya dapat ditunaikan kerana ia bergantung pula kepada banyak faktor lain, seperti

harga rumah, saiz famili, jauh dekat daripada kemudahan pengangkutan awam dan selainnya.

Begitu juga melalui dasar pendidikan dan bahasa, atau program khas seperti program Rukun Tetanga, telahpun diwujudkan usaha-usaha khusus yang cuba memecahkan tembok segregasi ini, lalu diharapkan dapat mewujudkan integrasi. Ternyata proses ini memakan waktu dan cabaran serta hambatan. Misalnya, JPNIN tidak henti-henti melaksanakan ikhtiar dengan caranya tersendiri untuk mencipta ruang dan keadaan yang sesuai supaya integrasi dapat tercapai di Malaysia, cuma usaha JPNIN ini jarang mendapat perhatian luas. Mungkin JPNIN bukan sahaja memerlukan tenaga profesional untuk membantu kelicinan perjalanan kegiatannya, tetapi juga memerlukan bahagian seranta yang mewarwarkan kepada umum tentang kegiatannya, prestasi dan cabaran guna mendapatkan maklumbalas daripada pihak awam.

Daripada kegiatan badan seperti JPNIN, kita juga tahu bahawa terdapat beberapa proses penting yang berlaku dalam usaha kita mewujudkan perpaduan dan integrasi. Dalam kata lain, perpaduan dan integrasi di Malaysia tidak berlaku dalam suasana *tabula rasa*, atau 'kotak kosong.' Kita mempunyai proses dan acuan kita sendiri. Saya berpendapat kita sering merasa gelisah apabila sesuatu peristiwa sensitif berlaku kerana kita beranggapan bahawa perpaduan dan integrasi itu sebagai suatu fenomena sosial yang bersifat *tabula rasa* dan sering melihatnya daripada sudut pandangan yang selapis dan *superficial*. Sedangkan perpaduan dan integrasi di Malaysia mempunyai pelbagai sudut, lapisan dan juga senario.

Perpaduan dan Integrasi: Proses 4A

Dalam mengupas proses perpaduan dan integrasi di Malaysia, saya dan rakan-rakan pernah menggariskan bahawa wujud empat proses penting yang relevan dan harus diberi perhatian serius dalam konteks Malaysia, untuk benar-benar menyelami isi kandungan perpaduan dan integrasi tersebut. "Proses 4A", atau empat proses itu adalah seperti berikut:

- **Asimilasi:** merupakan satu proses percantuman dan penyatuan antara kumpulan etnik berlainan budaya sehingga membentuk satu kelompok kebudayaan dan identiti yang sama, atau satu versi daripada kelompok dominan; kewujudan komuniti peranakan di Malaysia adalah satu contoh
- **Akomodasi:** merupakan proses yang melibatkan beberapa kumpulan etnik yang menyedari bahawa mereka adalah berbeza namun menghormati norma dan nilai kolektif satu sama lain; kewujudan fenomena Kongsi-Raya atau Deepa-Raya adalah satu contoh
- **Akulturas:** merupakan proses penerimaan dan pinjam-meminjam unsur atau perlakuan budaya antara kelompok etnik yang berbeza; kewujudan pinjam-meminjam antara kelompok etnik di Malaysia dari segi pakaian, makanan dan selainnya dan apa yang dipinjam itu disesuaikan pula dengan nilai dan norma kumpulan etnik yang meminjam.

- **Amalgamasi:** merupakan proses yang dilakukan secara *interventionist* dan sedar oleh beberapa kumpulan etnik, atau pemerintah, untuk mencantumkan beberapa unsur berbeda daripada kumpulan etnik yang berbeda tersebut dalam satu entiti yang bersatu, sama ada secara sementara atau berkekalan; wujudnya projek Sekolah Wawasan adalah satu contoh.

Dengan itu, tidak memadai untuk kita berbincang mengenai perpaduan dan integrasi di Malaysia secara *superficial* sahaja. Kita mesti mengambilkira wujudnya empat proses ini dan setiapnya membawakan bentuk perpaduan dan integrasinya tersendiri. Oleh yang demikian, kita perlu mengupas dan menilai perpaduan dan integrasi di Malaysia dengan melihat lapisan kedua, ketiga dan keempatnya, bukan sekadar di permukaan.

Kita dapati bahawa prestasi perpaduan dan integrasi dalam setiap proses berkenaan adalah berbeza. Misalnya, saya ingin menghujahkan bahawa proses akomodasi adalah sangat penting dalam perpaduan dan integrasi kelompok etnik di Malaysia. Malah saya menganggapnya sebagai proses yang paling utama lagi kritikal yang sudah diterima dan hayati oleh semua kelompok etnik di Malaysia, sama ada secara peribadi atau kolektif. Hal ini terjadi kerana sikap positif saling hormat-menghormati antara kelompok etnik terhadap nilai dan norma masing-masing, yang kita boleh ungkapkan "sama tetapi tidak serupa." Maksudnya, setiap kelompok etnik ada sistem kepercayaan masing-masing, ada perayaan masing-masing dan ada pantang larang masing-masing. Dari

segi ini semua kelompok etnik mempunyai persamaan. Namun cara masing-masing, misalnya, merayakan hari kebesaran agama masing-masing ternyata berbeda. Atas asas persamaan ini setiap kelompok etnik menghormati perayaan masing-masing. Malah sanggup pula saling merayakan hari-hari kebesaran tersebut.

Melalui proses akomodasi ini berlaku pula sebagai lanjutan pinjam-meminjam unsur-unsur budaya masing-masing. Saya tidak dibesarkan dalam adat istiadat dan adat resam Melayu yang mengamalkan konsep 'angpau'. Tetapi hari ini istilah dan konsep angpau sudah dihayati dan diamalkan dalam adat resam etnik Melayu. Malah setiap bank dan syarikat swasta menyediakan sampul surat untuk memberi angpau di Hari Raya Puasa sudah diamalkan lebih dari satu dekad di Malaysia. Ada banyak lagi contoh yang boleh kita kemukakan untuk menunjukkan bahawa wujud proses pinjam-meminjam unsur budaya di kalangan kelompok etnik di Malaysia. Senarainya terlalu panjang untuk dibincangkan di sini. Yang nyata daripada akulturasi ini, ianya tidak merobah tiang seri budaya, norma dan nilai sesuatu kumpulan etnik. Yang berlaku adalah budaya sesuatu etnik yang meminjam telah diperkaya dengan ritual budaya yang baru.

Dalam sejarah kita terdapat pula kelompok etnik yang bukan sahaja sedia berakomodasi dan meminjam unsur-unsur budaya daripada kelompok etnik yang lain. Ada yang sedia menerima sebahagian besar budaya etnik lain dan dijadikan sebagai sebahagian daripada budaya etnik mereka. Kes Cina peranakan di Negeri-negeri Selat satu ketika dulu dan Sikh peranakan di Sabah pada waktu selepas Merdeka adalah contoh asimilasi yang jelas. Apatah lagi mereka

yang hendak bernikah dengan orang Melayu Islam, diwajibkan oleh undang-undang untuk masuk Islam, yang menuntut asimilasi sebagai pra-syarat. Mungkin kerana cinta yang mendalam terhadap bakal suami atau isteri, pengorbanan besar sedia dilakukan oleh mereka yang masuk Islam. Tetapi tidak semuanya yang jatuh cinta, atau "*falling in love*," berkekalan. Ada juga yang "*fall-out of love*" dan ingin kembali ke pangkuan agama asal. Ini kadang-kadang menimbulkan masalah sosial yang bermula dengan masalah peribadi terheret kemudiannya ke mahkamah oleh kerana tuntutan peraturan yang akhirnya menjadi masalah sosial semua pihak. Kita saksikan juga penjelmaan masalah ini dalam masyarakat kita.

Yang agak jarang berlaku di Malaysia adalah proses amalgamasi. Mungkin contoh Sekolah Wawasan boleh kita gunakan di sini. Tersulam dalam usaha ini adalah unsur akomodasi dan akulturasi. Cuma dalam kes Sekolah Wawasan ianya merupakan proses amalgamasi bersifat *top-down*, bukan yang terpancar daripada bawah memanjat ke atas. Mungkin kita boleh fikirkan apakah contoh lain yang sesuai. Oleh yang demikian, saya merasakan proses amalgamasi adalah suatu proses berguna tapi jarang digunakan atau didapati di Malaysia.

Daripada perbincangan ini boleh kita simpulkan bahawa wacana mengenai perpaduan dan integrasi di Malaysia seringkali terlalu *superficial* dan mengabaikan "Proses 4A" yang saya sebut dan huraikan tadi. Akibat daripada pengabaian ini kita sangat mudah menjadi panik dan merasa resah-gelisah bahawa hubungan etnik Malaysia sudah sampai ke tahap bahaya kerana tiada perpaduan yang jelas. Sedangkan kalau kita teliti

setiap komponen dalam Proses 4A ini ternyata bahawa wujud perpaduan dan integrasi di Malaysia. Cuma intensiti perpaduan dan integrasi ini berbeda-beda dalam setiap proses, yang sering pula mengalami keadaan turun-naik.

Sebagai contoh, timbul pernyataan-pernyataan yang kesat lagi mencabar dilafazkan oleh segelintir ahli politik baru-baru ini yang menimbulkan kemarahan majoriti kelompok etnik yang menjadi sasaran. Ternyata pernyataan-pernyataan tersebut menidakkan sejarah dan menunjukkan keupayaan akomodasi yang lemah atau tiba-tiba pudar pada diri ahli-ahli politik berkenaan, biarpun mereka telah diberi kepercayaan oleh rakyat atau kelompok masing-masing menjadi ketua dan seharusnya menunjukkan contoh. Tetapi kita tidak nafikan bahawa tidak semua yang boleh mempertahankan kematangan dan kerasionalan mereka apabila membincangkan mengenai perpaduan dan integrasi di Malaysia, apatah lagi kalau sudah emosional. Terhamburlah kata-kata kesat itu, yang kemudiannya mereka berasa kesal. Ada juga yang degil dan tidak kesal. Yang jelas golongan yang terus matang adalah majoriti rakyat Malaysia dan anggota kelompok-kelompok etnik yang terlibat menjadi sasaran. Mereka tetap bertenang.

Tetapi bagaimana pula kita hendak tahu bahawa mereka senantiasia bertenang, khususnya di paras akar umbi, dan didakap harmonis dalam hubungan mereka antara satu sama lain dari segi etnik? Mungkin kita memerlukan suatu sistem yang boleh memantau intensiti hubungan etnik ini, iaitu, suatu sistem yang telus supaya semua orang boleh faham dan menyumbang dengan memberikan maklum balas yang

berguna. Yang lebih penting pihak pemerintah juga perlu dimaklumkan mengenai "iklim dan cuaca" hubungan etnik pada paras akar umbi untuk pelbagai kepentingan, terutamanya negara dan rakyatnya.

Kita juga maklum bahawa ada pihak di negara lain yang berminat dan senantiasa memerhatikan perkembangan politik Malaysia, kerana mereka menganggap Malaysia adalah sebuah 'model' atau contoh dari segi pembangunan ekonomi dan kestabilan politik. Ada juga yang menjadi Pak Nujum lantik-diri (*self-appointed*) meramalkan bahawa konflik etnik terbuka boleh berlaku di Malaysia bila-bila masa, justeru menakut-nakutkan pelabur asing dan pelancong. Ertinya, kesemua pihak ini perlu maklumat terkini mengenai keadaan hubungan etnik di Malaysia untuk membantu mereka membentuk persepsi yang terus positif mengenai Malaysia.

Sistem Pemantauan Hubungan Etnik Malaysia (SPHEM): Sebuah idea

Perlunya suatu Sistem Pemantauan Hubungan Etnik Malaysia (SPHEM) memang tidak dapat dinafikan. Soalnya bagaimana kita boleh membina Sistem ini sebagai suatu sistem yang berkesan serta *reliable*, dari segi pelaksanaan dan kemampuannya memberi maklumbalas yang bermanfaat. Yang lebih penting sistem ini bukan sahaja boleh diakses oleh pembuat dasar, para penyelidik dan pemimpin di semua lapisan masyarakat kita, malah ianya boleh diakses dan difahami oleh rakyat jelata, kerana ianya menjana maklumat mengenai mereka.

Dari segi konsep, sistem ini lebih berkesan kalau menggunakan kawasan pilihanraya Parlimen Malaysia (222 kerusi) sebagai unit analisis, kerana setiap kawasan ini mempunyai *key person*, iaitu Ahli Parlimennya (AP) yang dipilih oleh rakyat kawasan pilihanraya berkenaan, yang telah dipertanggungjawabkan oleh rakyat setempat untuk memelihara kesejahteraan para pengundi dan bukan pengundi di setiap kawasan tersebut. Peranan setiap AP kita menyentuh aspek ekonomi, politik, sosial, budaya dan pelbagai hal yang lain.

Bagaimana pula kita hendak mengukur intensiti hubungan etnik setempat? Kita sudah ada satu indeks yang diberi nama Indeks Kualiti Hidup (IKH atau QLI) yang kini di bawah pemantauan Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Sistem ini akan membina suatu ukuran untuk memantau IKH sesebuah kawasan Parlimen yang para pengundinya berbilang kaum, ada yang dominan pengundi Melayu dan ada yang bukan Melayu dan ada juga campuran.

Kita tahu bahawa penyuaran rasa tidak puas hati rakyat, sama ada dilahirkan dalam idiom perkauman atau kelas, adalah berkenaan senang-susah hidup mereka dan juga masa depan anak-anak mereka. Kalau kita boleh ukur kualiti hidup setiap sektor yang mewakili kelompok-kelompok etnik dalam sesuatu kawasan Parlimen, kita dapat membina suatu analisis mengenai pola ekonomi dan reaksi politik rakyat terhadap keadaan mereka. Kita dapat menilai ekspresi mereka sama ada dalam bentuk kelas atau etnik. Dari situ kita mula melihat pola keadaan nyata dan persepsi tempatan mengenai keadaan mereka.

Bayangkan kalau dapat dihimpunkan pandangan dan penemuan daripada 222 kawasan Parlimen di Malaysia, perincian kualiti hidup serta reaksi dan persepsi rakyat setempat mengenai bukan sahaja hubungan etnik bahkan bermacam hal lain yang relevan untuk negara, alangkah baiknya.

Marilah kita sama-sama fikirkan idea yang terbit daripada Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia ini. Tentunya KITA boleh melaksanakan ini semua tetapi perlu mendapat sokongan dan bantuan daripada semua pihak. Kepada KITA, pelaksanaan usaha ini berpegang pada pepatah "tak pecah ruyung manakan dapat sagunya." KITA akan menjadikan projek ini sebagai *flagship*nya untuk kami dihadiahkan pada negara.

Akta Hubungan Kaum: Perlukah?

Setelah 51 tahun Merdeka, Malaysia umumnya wujud dalam suasana politik yang stabil yang didukung oleh pembangunan ekonomi pesat. Kejayaan ini tercapai dengan mengatasi pelbagai cabaran dan hambatan dalaman dan yang berpunca daripada luar. Namun, rakyat Malaysia tetap hidup harmonis, sekali sekala diuji ketahanan mereka. Keharmonian ini telah didukung oleh pelbagai Akta dan Peraturan, sebahagiannya dipersoalkan justifikasinya dari sudut hak asasi manusia.

Tiba-tiba baru-baru ini kerajaan telah meluluskan cadangan untuk menggubal suatu Akta Hubungan Kaum dengan tujuan untuk melindungi hubungan etnik/kaum yang harmonis ini daripada

terongkai oleh beberapa pihak yang tidak bertanggung jawab.

Pada hemat saya, kalau kita sudah membuktikan kemampuan menguasai sebarang masalah dalam hubungan etnik Malaysia untuk 51 tahun lalu, apa perlunya satu Akta khusus untuk melindungi hubungan etnik yang baik ini? Rakyat kita sudah cukup matang untuk menyelesaikan masalah sesamanya. Tidak dapat dinafikan bahawa memang ada segelintir rakyat kita yang gelisah dan kritikal, malah sangat mudah emosional. Mengapakah kerana golongan minoriti ini majoriti rakyat dikongkong oleh suatu Akta yang bersifat *punative*?

Umumnya, Akta Hubungan Kaum yang wujud di beberapa negara di dunia adalah merupakan *anti-discriminatory*, atau diwujudkan untuk membentaras diskriminasi, umpamanya akses terhadap peluang ekonomi, kebebasan beragama dan sebagainya. Kalau Akta ini digubal dan dikuatkuasa, implikasinya adalah ianya akan bertentangan dengan beberapa Akta lain dan juga beberapa Artikel dalam Perlembagaan Malaysia, seperti Artikel 153. Mungkin hal ini tidak difikirkan dengan mendalam semasa cadangan untuk mengemukakan Akta ini dibuat.

Mungkin yang digundahkan oleh kerajaan adalah untuk mengawal tindakan segelintir rakyat yang boleh menimbulkan ketegangan etnik, misalnya, kalau kata-kesat bersifat perkauman dilafazkan. Kalau ini yang dirisaukan mungkin yang diperlukan adalah *Racial Villification Act*, seperti yang tergubal di Australia, yang membawa ke depan pengadilan sesiapa yang memburuk dan mengata kaum lain. Pun begitu, ini

tidak diperlukan kerana kita ada Akta Hasutan, yang boleh dipinda untuk memasukkan hukuman terhadap kesalahan tersebut.

Kalau Akta Hubungan Kaum ini diperkenalkan, saya ibaratkannya sebagai "kerana nyamuk kelambu dibakar", ertinya oleh kerana seorang dua yang berkata kesat dan menyakitkan hati kaum lain, majoriti rakyat akan terhukum. Kebijakan menggubal undang-undang selalunya didahului dengan sebuah Kertas Putih untuk menghuraikan apakah masalah yang berlaku, sebabnya dan bagaimana hendak diatasi. Ketika itulah, boleh disarankan sebagai salah satu cadangan mewujudkan Akta berkenaan.

Oleh yang demikian, kita perlu menghasilkan satu Kertas Putih untuk menghurai keadaan hubungan etnik semasa dan paras kemerbahayaan yang dihadapi oleh hubungan ini. Kalaupun kertas ini berjaya membuktikan bahawa keadaan adalah genting, maka barulah disarankan untuk memperkenalkan sesuatu Akta yang relevan.

Belum terlambat untuk mengeluarkan Kertas Putih berkenaan. Adalah menjadi tanggung jawab JPNIN untuk menyediakan Kertas Putih ini kerana memang tercakup dalam bidang tugasnya. Saya harap JPNIN akan melakukan tugas ini dan KITA senantiasa bersedia untuk membantu.

Rujukan Umum (Pilihan)

- Fazilah Idris. et. Al. 2007. Pengharmonian hubungan etnik di kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi: Peranan sikap dan kepentingan. Kertas kerja untuk Seminar Kebangsaan Ketamadunan, Hubungan Etnik dan Kokurikulum, anjuran Universiti Malaya, di Muzium Seni Asia, 20 – 21 Mac.
- Mansor Mohd Nor, Abdul Rahman Aziz & Mohammad Ainuddin Iskandar Lee. 2006. *Hubungan etnik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Prentice Hall Malaysia.
- Mansor Mohd Noor. 2000. A study on ethnic polarisation in the Institutions of Higher Learning: A Report for the Department of National Unity and National Integration. Prime Minister's Department of Malaysia.
- Mansor Mohd Noor. 2000a. Crossing ethnic borders in Malaysia: Measuring the fluidity of ethnicity identity and group formation. *AKADEMIKA*. 55 (Julai): 61-82.
- Mansor Mohd Noor. 1998. Ethnic preference among university students of Universiti Sains Malaysia. A Report of CPR, Universiti Sains Malaysia.
- Mansor Mohd Noor & Michael Banton. 1992. A study of ethnic alignment: A new technique and application in Malaysia,. *Ethnic and Racial Studies*.15(4): 599-613.
- Mansor Mohd Noor & Shamsul Amri Baharuddin. 2005. Transformasi perhubungan etnik di Malaysia.

Dalam Mansor Mohd Noor. (Pnyt.). *Integrasi etnik di Institusi Pengajian Tinggi Awam*. Institut Penyelidikan Tinggi Negara, Universiti Sains Malaysia. Monograf 6. Hlm: 17-27.

Ong Puay Liu. 2007. Identity matters: Ethnic salience and perceptions in Malaysia. In Abdul Rahman Embong. (Ed.). *Rethinking ethnicity and nation-building: Malaysia, Sri Lanka & Fiji in Comparative Perspective*. Kuala Lumpur: Malaysian Social Science Association. Chapter 9: 216-234.

Shamsul Amri Baharuddin. (Ketua Editor). 2007. *Modul hubungan etnik*. Shah Alam: Penerbit UITM.

Shamsul Amri Baharuddin & Sity Daud. 2006. Nation, ethnicity and contending discourse in the Malaysian State. In Richard Boyd & Tak-Wing Ngo. (Eds.). *State making in Asia*. London: Routledge. Pp.131-139.

Shamsul Amri Baharuddin. 2004. Texts and collective memories: The construction of "Chinese and Chineseness" from the perspective of a Malay. In Leo Suryadinata. (Ed.). *Ethnic relations and nation-building in Southeast Asia*. Singapore: ISEAS. Pp: 109-144.

Shamsul Amri Baharuddin. Et. Al. 2003. *Membina Bangsa Malaysia*. Jil. 1, 2 & 3. Kuala Lumpur: Jabatan Perpaduan Negara.

About K I T A

The Institute of Ethnic Studies (KITA) was officially established on October 8th, 2007 by Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) to undertake academic research on subjects pertaining to ethnic studies in Malaysia. This research institute is 'only one of its kind' in Malaysia, focusing specifically on 'ethnic studies' with thematic studies orientation. The Institute emerged out of the need to maintain at home the present peaceful inter- and intra-ethnic existence against worldwide problematic, and sometimes violent ethnic situations.

Organisationally, KITA has five research clusters, each being led by a prominent scholar or a highly experienced professional person. The five research clusters are: Social Theory and Ethnic Studies; Ethnicity and Religion; Ethnicity at Workplace; Ethnicity and Consumerism, and The Arts and Social Integration. KITA's postgraduate program (PhD and Masters) was launched in December 2009.

Mengenai K I T A

Institut Kajian Etnik (KITA) ditubuhkan secara rasmi oleh Universiti Kebangsaan Malaysia pada 8 Oktober 2007. KITA merupakan satu-satunya institut penyelidikan di Malaysia yang memberi tumpuan sepenuhnya kepada segala kajian berkaitan dengan 'etnik' dan 'etnisiti'.

Dari segi organisasi, KITA mempunyai lima rumpun penyelidikan. Setiap satu rumpun diketuai oleh seorang sarjana atau ahli profesional yang mempunyai rekod prestasi cemerlang. Lima rumpun penyelidikan berkenaan adalah: Teori Sosial dan Kajian Etnik; Etnisiti dan Agama; Etnisiti di Tempat Kerja; Etnisiti dan Konsumerisme; dan Kesenian dan Integrasi Sosial. Mulai Disember 2009, KITA menawarkan program siswazah (PhD dan Sarjana).